



UTeM

اونيورسيٲى ٲيكنيكيٲى ملٲيا  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Majlis*  
**Hari Kualiti KUTKM  
2004**

16 September 2004 (Khamis)  
Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka



# MAJLIS HARI KUALITI KUTKM 2004

اوبنور سیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**16 September 2004**  
**Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka**





## KATA ALU-ALUAN REKTOR KUTKM

Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan

*Bismillahirrahmanirrahim..  
Assalamualaikum wrt. wbt.*

Majlis Hari Kualiti diadakan setiap tahun bukanlah semata-mata untuk mengekalkan tradisi dalam perkhidmatan awam. Sebaik-baiknya seluruh warga Universiti dapat merasakan semangat atau 'spirit' yang cuba diterapkan melalui penganjuran majlis ini. Kualiti sangat berkait rapat dengan kecemerlangan. Sesebuah organisasi yang berjaya memberikan perkhidmatan berkualiti sebenarnya merupakan organisasi yang menuju kecemerlangan. Justeru, penganjuran Majlis Hari Kualiti ini merupakan salah satu usaha pihak pengurusan Universiti untuk membudayakan kecemerlangan dalam semua peringkat urusan di KUTKM ini.

Kecemerlangan bukan hanya dinilai melalui penilaian prestasi setiap tahun. Namun, seharusnya, kecemerlangan dapat ditunjukkan atau dizahirkan secara intelek, jasmani, rohani, serta tingkah laku kita. Menyedari perkara ini, Panel Pembangunan Sumber Manusia telah bersetuju untuk menganugerahi staf-staf yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang masing-masing dengan memperkenalkan Anugerah Kecemerlangan Khas pada tahun ini.

Majlis Hari Kualiti juga merupakan satu platform yang sesuai untuk menyalurkan maklumat-maklumat tentang usaha-usaha terkini Bahagian Jaminan Kualiti Dan Akreditasi untuk mencapai pengiktirafan MS ISO 9001:2000. Cabaran untuk mendapatkan pengiktirafan ISO 9001 terletak pada bahu setiap warga Universiti. Oleh yang demikian, kita semua perlu peka dengan perkembangan ini dan turut sama berganding bahu untuk memastikan cabaran ini dapat direalisasikan. Ibarat pepatah Inggeris, "Rome wasn't built in a day". Sesuatu yang gemilang dan terbilang itu mengambil masa yang lama untuk dibina atau dicipta dan ia menuntut pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit yang banyak. Janganlah kita mudah berpuas hati dan leka dengan apa yang telah kita perolehi. Sebaliknya kita perlu bersama-sama meningkatkan kualiti perkhidmatan kita bermula dengan diri sendiri.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2003 dan juga penerima-penerima Anugerah Kecemerlangan Khas (Inovasi) dan (Sukan). Semoga prestasi cemerlang mereka ini menjadi contoh dan motivasi kepada warga Universiti yang lainnya.

Y. Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan





## ATUR CARA MAJLIS HARI KUALITI KUTKM 2004

- 02:00 ptg. - Pendaftaran Staf  
02:40 ptg.
- 02:45 ptg. Ketibaan Tetamu-tetamu Jemputan
- 02:50 ptg. Ketibaan Y.Bhg. *Datuk Prof. Ismail bin Hassan*,  
Rektor KUTKM
- 02:55 ptg. Ketibaan Y.Bhg. *Dato' Dr. Mohd. Yahya bin Nordin*,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
- 03:00 ptg. Bacaan Doa
- 03:05 ptg. Ucapan Alu-aluan oleh Y.Bhg. *Datuk Prof. Ismail bin Hassan*,  
Rektor KUTKM
- 03:10 ptg. Ucapan oleh Y.Bhg. *Dato' Dr. Mohd. Yahya bin Nordin*,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi
- 03:25 ptg. Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  
Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Khas (Inovasi) dan  
Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Khas (Sukan)
- Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Ketua Pemilik Proses  
MS ISO 9001:2000
- Pelancaran Dokumen Pelan Strategik KUTKM 2004-2015 dan  
Pelancaran *Journal of Technology Management & Entrepreneurship*
- Penyerahan Manual Kualiti MS ISO 9001:2000
- Jamuan
- Majlis Bersurai






## PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

### KRITERIA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang atau berkualiti.

Perkhidmatan cemerlang ialah perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang staf yang mana mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh dalam menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha kepada staf-staf yang lain.

Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saran Malaysia (SSM) berkuatkuasa mulai 1 November 2002. Berikutan dengan pelaksanaan sistem ini, Kerajaan telah menetapkan supaya dasar dan kaedah pemberian APC diubahsuai sewajarnya melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 'Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam'. Dengan itu, mulai daripada tarikh keluarnya Pekeliling ini, semua peraturan dan rujukan mengenai pemberian APC hendaklah menggunakan Pekeliling ini.



Dasar dan kaedah baru berkaitan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dinyatakan dengan ringkas seperti berikut:-

### Kelayakan

- I. Staf yang dilantik untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara **tetap, sementara atau kontrak**.
- II. Kelayakan ini meliputi staf yang berada di atas tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia.
- III. Staf telah berkhidmat bagi tempoh **genap setahun penuh** pada tarikh terakhir tahun penilaian.

### Asas Penilaian

Penilaian terhadap staf bagi tujuan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini wajar diambil dari kalangan mereka yang mendapat markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan **85 peratus dan lebih**.

### Bilangan Penerima

- I. Kuota bilangan penerima Anugerah ini bagi setiap agensi tidak melebihi **8 peratus** daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian berkenaan.
- II. Sungguhpun begitu, had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi.
- III. Dalam konteks KUTKM, memandangkan jumlah keseluruhan staf yang dinilai bagi tahun 2003 ialah 743 orang, 8 peratus daripada jumlah tersebut ialah 60 orang. Walau bagaimanapun, hanya 55 orang staf yang layak menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kerana terdapat beberapa Pejabat/ Fakulti yang tidak dapat memenuhi kuota 8 peratus masing-masing.





### Insentif dan Hadiah

Insentif dan hadiah yang layak diterima oleh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ialah:-

- I. Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- II. Hadiah prestasi sebanyak RM1,000;
- III. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- IV. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- V. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.





## IKRAR INTEGRITI PEGAWAI AWAM

### IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:-

- Pertama : Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Kedua : Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Ketiga : Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang peraturan dan etika jabatan;
- Keempat : Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak yang memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Kelima : Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
- Keenam : Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.





**ANUGERAH  
PERKHIDMATAN  
CEMERLANG  
2003**



اوپنورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Nama** : Rafedah binti Sajadi  
**No. Staf** : 00101  
**Jawatan** : Pembantu Tadbir  
(Perkeranian & Operasi)  
**Pejabat** : Pejabat Hal-Ehwal Pelajar



Rafedah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini dengan penuh kesyukuran dan menganggapnya sebagai satu penghargaan yang amat tinggi dalam kerjaya beliau.

Beliau mula bertugas di KUTKM pada 16 Jun 2001 dan merupakan angkatan perintis dalam penubuhan Pejabat Hal-Ehwal Pelajar (HEP). Pengalaman bekerja selama tiga tahun di KUTKM banyak membantu beliau dalam mematangkan diri kerana sentiasa berhadapan dengan pelbagai karenah pelajar. Di Pejabat HEP juga, beliau berpeluang melibatkan diri dalam pelbagai program anjuran Jabatan mahupun Universiti.

Sepanjang tahun 2003, Rafedah telah banyak mencurahkan sumbangan terutama dalam bentuk komitmen, idea dan juga keurussetiaan. Penglibatan beliau yang aktif dalam kebanyakan program dan majlis di peringkat Universiti telah banyak membantu menjayakan program Universiti.



|                 |          |   |
|-----------------|----------|---|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Ardiana binti Abd Latif</b>              |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00173</b>                                |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pembantu Tadbir<br/>(Kesetiausahaan)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Hal-Ehwal Pelajar</b>            |

Ardiana mula berkhidmat dengan KUTKM sejak 17 September 2001 sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di Pejabat Hal-Ehwal Pelajar (HEP). Bertanggungjawab sepenuhnya kepada Timbalan Pendaftar HEP dalam membantu melicinkan tugas-tugas harian Timbalan Pendaftar HEP.

Di samping tugas hakiki sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), beliau juga sering terlibat sebagai Urus Setia dalam kebanyakan majlis-majlis rasmi peringkat Universiti. Sumbangan tenaga kerja yang beliau curahkan selama ini, nyata banyak membantu dalam menjayakan majlis-majlis tersebut. Beliau sangat menitikberatkan soal komitmen kerana pada beliau, kejayaan penganjuran sesuatu majlis itu mencerminkan imej Universiti.

Antara kualiti peribadi yang sentiasa beliau amalkan ialah yakin kepada diri sendiri dan suka mencuba. Namun, Ardiana percaya tanpa dorongan dan kerjasama daripada keluarga dan rakan-rakan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini tidak akan menjadi miliknya.





|                 |          |   |
|-----------------|----------|---|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Razali bin Yaakob</b>                      |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00229</b>                                  |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Penolong Pegawai<br/>Belia &amp; Sukan</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Hal-Ehwal Pelajar</b>              |

“ Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung ” merupakan kata semangat yang dipegang oleh Razali sewaktu memulakan perkhidmatannya di KUTKM pada 2 Januari 2002. Beliau amat berterima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t di atas pemilihan beliau sebagai salah seorang penerima anugerah ini.

Sepanjang perkhidmatan beliau di sini, Razali banyak terlibat dalam aktiviti pelajar khususnya program sukan dan rekreasi. Program - program yang telah dirancang berjaya membuahkan hasil dengan kejayaan pasukan sukan pelajar dalam Kejohanan Taekwondo Antara Universiti, Sukan 5 Penjuru, Bola Jaring Terbuka MMU dan Program Jejak Korbu KUTKM. Dari segi sumbangan sosial, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Teknikal MASUM (Majlis Sukan Universiti Malaysia) dan berperanan menyelaras program Sukan MASUM 2003 & UNI - League 2003 (Liga Bolasepak Antara Universiti). Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Briged Kebajikan Perdana di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka dan terlibat dalam menjayakan Program Motivasi Pelajar PMR & SPM Anak Penerima Bantuan Kebajikan 2003.

Penganugerahan ini akan menjadi pendorong kepada beliau untuk bekerja dengan lebih gigih lagi dengan harapan menjadikan KUTKM terkenal dalam bidang sukan dan rekreasi, iaitu sebagai nilai tambahan kepada bidang akademik.





|                 |                              |
|-----------------|------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>: Noridah binti Talib</b> |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00012</b>               |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Penolong Akauntan</b>   |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Bendahari</b>   |

Noridah mula berkhidmat sebagai Penolong Akauntan di Pejabat Bendahari KUTKM pada 1 Mac 2001. Berbekalkan pengalaman kerja dan sedikit ilmu di dada serta kerjasama daripada rakan-rakan sepejabat, beliau dapat menjalankan tugas di Unit Belanjawan dan Perolehan dengan lebih berkesan. Beliau bertanggungjawab dalam membantu penyediaan bajet tahunan dan menguruskan proses perolehan di KUTKM. Di samping tugas harian, Noridah juga diberi amanah memegang jawatan sebagai Bendahari Biro Hal-Ehwal Wanita (PUSPAWANIKU), BAKUTKM dan Bendahari Kelab Pejabat Bendahari (KEJARI).

Pada beliau, segala sumbangan yang diberikannya sama ada secara langsung ataupun tidak, hanyalah bertujuan untuk menyokong visi Pejabat Bendahari iaitu *Menjadi Pusat Pengurusan Kewangan Yang Terunggul* dan juga visi KUTKM untuk *Menjadi Sebuah Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia*.

Noridah berazam untuk meningkatkan mutu kerja dan memajukan diri bagi memastikan kecemerlangan ini akan berterusan dan menjadi contoh kepada staf yang lain.



|                 |                               |
|-----------------|-------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>: Rohana binti Nahrawi</b> |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00128</b>                |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pembantu Akauntan</b>    |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Bendahari</b>    |

Rohana sangat disenangi di kalangan rakan-rakan sekerja kerana perwatakannya yang ramah dan mudah mesra dengan semua orang. Kerana sikapnya itu jugalah menyebabkan beliau sangat dikenali oleh pelanggan Pejabat Bendahari yang pernah berurusan dengan beliau.

Di sebalik sikapnya yang ceria itu, beliau juga merupakan seorang staf yang sangat dedikasi dan sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap tugas. Sikap positif itu telah berjaya dipupuk dalam dirinya hasil pengalaman kerjanya sebelum melangkah ke KUTKM. Penempatan beliau di Unit Kewangan & Terimaan dan bertanggungjawab terhadap penyediaan cek amat bertepatan sekali.

Tentunya tugas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini akan menjadi pendorong kepada beliau untuk meningkatkan lagi mutu kerjanya.





**Nama** : Muhammad Rashdan bin  
Muhammad  
**No. Staf** : 00091  
**Jawatan** : Pembantu Akauntan  
**Pejabat** : Pejabat Bendahari



Muhammad Rashdan merasa terkejut dan terharu apabila dimaklumkan bahawa beliau merupakan salah seorang daripada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2003. Beliau menganggap anugerah ini ialah satu penghargaan paling besar jika dibandingkan dengan sumbangannya pada KUTKM. Segala sumbangan beliau lahir daripada hati yang ikhlas dan bukanlah mengharapkan sebarang pujian ataupun untuk menarik perhatian.

Sungguhpun sikap Muhammad Rashdan merendah diri dengan sumbangannya itu, kesungguhan beliau dan komitmennya pada tugas jelas tergambar pada hasil kerjanya. Apatah lagi apabila beliau ditempatkan di Unit yang penting iaitu Unit Gaji & Pinjaman.

Bagi beliau, kejayaan ini bukanlah miliknya seorang tetapi ia seharusnya dikongsi bersama dengan staf Unit Gaji & Pinjaman yang lainnya kerana semangat kerja berpasukan yang sering menjadi amalan staf Unit tersebut dalam melaksanakan tugas-tugas seharian mereka.



|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Nama</b>     | <b>: Latnah binti Ninggal</b>                 |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00018</b>                                |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pembantu Tadbir<br/>(Kesetiausahaan)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Pendaftar</b>                    |

Latnah bertugas sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di Pejabat Pendaftar. Beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 32 tahun dan disebabkan pengalaman luas dalam bidang ini, beliau sering menjadi tempat rujukan dan juga untuk mendapatkan nasihat serta tunjuk ajar daripada rakan-rakan sejawatnya. Sungguh pun begitu, beliau tidak pernah lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang lain di atas kerjasama dan bantuan yang telah mereka berikan sehingga dia mampu melaksanakan segala tugas yang telah dipertanggungjawabkan.

Latnah juga seorang yang berkebolehan dalam bidang sukan. Semasa berkhidmat di Pejabat Canseleri, beliau telah mewakili pasukan tersebut dalam beberapa permainan iaitu bola tampar dan bola jaring.

Beliau menganggap Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini sebagai satu penghargaan yang amat bernilai terhadap dirinya. Beliau berpendapat bahawa untuk mengekalkan kecemerlangan ini bukan suatu perkara yang mudah kerana masih banyak lagi cabaran yang perlu ditempuhinya. Namun, beliau berazam untuk berusaha mengekalkan prestasi cemerlangnya ini.



**Nama** : Azean binti Ahmad  
**No. Staf** : 00180  
**Jawatan** : Pembantu Tadbir  
(Perkeranian & Operasi)  
**Pejabat** : Pejabat Pendaftar



Azean memulakan kerjaya di KUTKM pada 4 Oktober 2001 dan ia adalah pengalaman pertamanya sebagai penjawat awam. Menyertai sebuah Universiti yang pada ketika itu hanya berusia setahun jagung, menuntutnya untuk bekerja keras dan memberikan sepenuh komitmen terhadap tugas dan organisasi. Setelah hampir tiga tahun berkhidmat, sikap ini terus menjadi amalan dan pegangan hidup beliau.

Menurutnya, sejak berada di KUTKM, beliau mendapat motivasi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, tidak kira sama ada ilmu yang berkaitan tugas mahupun untuk pengetahuannya sendiri. Semangat beliau terus membara dengan sokongan moral yang ditunjukkan oleh pegawai atasan mahupun rakan-rakan sekerja.

Azean amat bersyukur dan berterima kasih di atas penganugerahan yang diberikan. Beliau berharap khidmatnya yang pada pandangannya tidak seberapa, sedikit sebanyak dapat membantu mencapai ke arah misi dan visi Universiti.

**Nama** : Muaat bin Muji  
**No. Staf** : 00443  
**Jawatan** : Pembantu Am Rendah  
**Pejabat** : Pejabat Pendaftar



Muaat berasa syukur dan berterima kasih kepada pihak pengurusan KUTKM di atas pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003 ini. Beliau merasakan anugerah yang diterimanya ini menjadi satu motivasi kepada dirinya untuk terus bekerja dengan lebih gigih lagi.

Beliau berpegang teguh kepada prinsip sentiasa bersikap positif terhadap tugas. Sikap positif ini termasuklah berdisiplin, amanah dan memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas. Justeru, beliau sentiasa berusaha mempraktikkannya. Muaat turut menyedari bahawa kejayaannya juga banyak dipengaruhi oleh persekitaran kerja yang kondusif. Hubungan baik dengan semua pihak yang disemai melalui sikap toleransi, saling faham-memahami serta hormat-menghormati di kalangan rakan sekerja merupakan salah satu cara mewujudkan suasana kerja yang harmoni. Sikap sebeginilah yang menjadi amalannya setiap masa.

Selain itu, beliau juga amat menghargai segala dorongan dan maklum balas daripada pihak pengurusan, keluarga dan rakan-rakan kerana itu adalah cara terbaik untuk memperbaiki diri serta mutu kerjanya.



|                 |          |  |
|-----------------|----------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Noorhasyuddin bin Mohd Basri</b>                    |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00351</b>   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pembantu Tadbir<br/>(Perkeranian &amp; Operasi)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Pendaftar</b>                               |

Setelah hampir dua tahun Noorhasyuddin menyertai KUTKM dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Akademik, beliau kini lebih memahami tentang selok-belok berkaitan pengurusan akademik. Jika dahulu beliau adalah seorang pelajar dan juga pelanggan kepada Bahagian Pengurusan Akademik, kini beliau merupakan pihak di belakang kaunter – iaitu pihak yang memberikan perkhidmatan kepada pelajar.

Noorhasyuddin berasa bertuah kerana sejak bertugas di Bahagian Pengurusan Akademik, beliau telah terlibat secara langsung dengan proses pengambilan pelajar, kemasukan pelajar hinggalah ke peringkat peperiksaan pelajar. Dalam situasi semasa di mana tenaga sumber manusia masih belum mencukupi di Bahagian Pengurusan Akademik, beliau tidak keberatan menyumbang tenaga kepada rakan-rakan yang lain kerana baginya yang penting, segala tugas di Bahagian tersebut adalah tanggungjawab bersama dan ia perlu diselesaikan sebaik mungkin. Tambahan pula, beliau menganggap segala tugas itu sebagai suatu kesempatan terbaik untuk menimba ilmu dan pengalaman.

Menurut Noorhasyuddin, beliau merasa amat bersyukur dengan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003 ini. Bagaimanapun, katanya pemberian anugerah itu bukanlah bermakna dirinya sudah cukup bagus. Sebaliknya, beliau beranggapan ia adalah kejayaan semua staf, khususnya di Bahagian Pengurusan Akademik.





|                 |          |  |
|-----------------|----------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Sharifah Intan binti Osman</b>                      |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00073</b>   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pembantu Tadbir<br/>(Perkeranian &amp; Operasi)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Pendaftar</b>                               |

Sharifah Intan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti atas penganugerahan yang diberikan. Anugerah ini memberikan beliau satu suntikan semangat dan keazaman untuk memajukan diri sendiri dan membantu Universiti dalam merealisasikan visi dan misinya.

Beliau berpendapat, sikap berdisiplin, ikhlas dan sentiasa berfikiran positif adalah penting dalam melaksanakan tugas-tugas seharian di pejabat. Baginya, sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan dan mempelajari selok-belok berkaitan tugas masing-masing sebagai penjawat awam, juga boleh membantu seseorang dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Beliau juga percaya bahawa semangat kerja berpasukan merupakan salah satu cara untuk memantapkan lagi mutu kerjanya. Malahan rakan-rakan sekerjanya telah banyak membantunya menghadapi cabaran dan memberinya semangat untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul terutama yang berkaitan dengan tugas.



**Nama** : Rohana binti Abu Bakar  
**No. Staf** : 00292  
**Jawatan** : Pembantu Tadbir  
(Perkeranian & Operasi)  
**Pejabat** : Pejabat Pendaftar

Rohana berangapan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu penghargaan yang sangat bererti bagi dirinya kerana beliau masih lagi berada di peringkat pembelajaran. Katanya, segala perkhidmatan yang diberikan sejak menyertai KUTKM pada 20 Februari 2002 hanyalah sekelumit cuma dan mungkin terlalu kecil untuk dinobatkan sebagai perkhidmatan yang cemerlang.

Sungguh pun begitu, apa yang penting bagi dirinya ialah keikhlasan dalam melaksanakan tugas. Beliau berterima kasih kepada semua pihak terutamanya rakan-rakan di Pejabat Pendaftar yang banyak memberi bimbingan dan sokongan sehingga beliau mampu melaksanakan tugasnya dengan lebih mudah, efisien dan berkualiti.

Ibarat kata pepatah 'Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing'. Setiap pekerja ibarat aur dengan tebing kerana saling memerlukan antara satu sama lain. Atas kesedaran inilah, Rohana begitu menghargai hubungan baik yang dijalinan, bukan saja dengan rakan-rakan sejawat, malah juga dengan pegawai atasan. Beliau sering mengamalkan sikap suka bertanya untuk menambahkan pengetahuannya dan meningkatkan kemahirannya secara tidak langsung.

Rohana bertekad untuk berusaha mengekalkan kecemerlangan perkhidmatannya di KUTKM diiringi berkat dan doa dari semua pihak. Semoga hasratnya ini dimakbulkan.





|                 |          |                             |
|-----------------|----------|-----------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Afandi bin Aziz</b>      |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00059</b>                |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pengawal Keselamatan</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Pendaftar</b>    |

Afandi mula berkhidmat di KUTKM pada 15 Mei 2001 sebagai Pengawal Keselamatan. Berbekalkan pengalaman sebagai anggota tentera selama 21 tahun dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Penguat Kuasa Perbadanan Air Melaka selama 1 tahun, beliau memberikan perkhidmatan terbaik dan semampu mungkin untuk disesuaikan dengan situasi di KUTKM. Setakat ini kebanyakannya membuahkan hasil yang memberangsangkan.

Sungguhpun tugas sebagai Pengawal Keselamatan mengikut shif, Afandi tidak memandang perkara itu sebagai satu halangan untuk beliau bekerja dengan baik dan ia juga bukan satu kekangan untuknya meluangkan masa dengan keluarga tercinta serta rakan-rakan. Bagi beliau, setiap tugas merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sempurna. Apatah lagi apabila beliau diminta bertindak sebagai ketua shif, beliau perlu menunjukkan contoh dan disiplin yang baik kepada pengawal keselamatan yang lain.








|                 |                               |
|-----------------|-------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>: Ruslan bin Abu Bakar</b> |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00243</b>                |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pengawal Keselamatan</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Pendaftar</b>    |

Ruslan telah menyumbangkan tenaga dan khidmatnya sebagai Pengawal Keselamatan di KUTKM sejak 2 Januari 2002. Sebagai pengawal keselamatan, beliau bertanggungjawab memastikan kawasan Kampus Sementara bebas daripada ancaman bahaya dan kebakaran serta kejadian jenayah. Tugas ini menuntut beliau untuk sentiasa berwaspada dan peka kepada persekitaran. Mungkin ada orang yang menganggap tugas sebagai pengawal keselamatan adalah tugas yang senang dan remeh tetapi bagi beliau, tidak semua orang dapat melaksanakan tugas ini dengan baik; apatah lagi jika terpaksa bekerja mengikut shif. Namun, berbekalkan pengalaman selama 13 tahun dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan baik sehingga hari ini.

Ruslan juga turut melibatkan diri dalam bidang sukan apabila mewakili Pejabat Pendaftar dalam sukan bola sepak dan bola tampar. Walaupun tidak seaktif masa zaman mudanya, beliau berasa bertuah kerana masih dapat menyumbangkan tenaganya tidak hanya dalam bidang tugas saja.

Seterusnya, beliau begitu bersyukur dengan anugerah yang diterima ini dan berterima kasih kepada pihak pengurusan serta rakan-rakan yang telah banyak menyokong dan membantunya selama ini.



|                 |                             |
|-----------------|-----------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>: Azizah binti Saban</b> |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00030</b>              |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Penolong Pendaftar</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Pendaftar</b>  |

Azizah telah berkhidmat di Universiti ini mulai 17 April 2001 dan sepanjang tempoh perkhidmatan ini, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan staf khususnya staf akademik. Perkhidmatan utama Jabatan Personel ialah menguruskan belanjawan perjawatan Universiti pada setiap tahun untuk kegunaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Seterusnya, Jabatan ini memainkan peranan utama dalam urusan pengambilan staf akademik dan bukan akademik bermula daripada proses mengiklankan jawatan kosong sehingga calon melaporkan diri bertugas di Universiti ini.

Urusan pengambilan staf termasuklah menguruskan pengambilan dan penyambungan staf kontrak sama ada warganegara atau bukan warganegara memerlukan banyak kerjasama dengan pihak JPA dan Jabatan Imigresen. Oleh itu, selaku Penolong Pendaftar di jabatan ini, beliau turut terbabit secara langsung dalam menguruskan pinjaman staf dalaman atau luaran yang diperlukan kepakarannya.

Pada tahun 2003, Azizah telah terlibat secara langsung dan telah berhempas pulas bagi memastikan kelancaran pengurusan Penggredan Jawatan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) bagi kelulusan pihak JPA. Beliau merasa sangat bersyukur dan berterima kasih di atas penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang ini.





**Nama** : Ahmad bin Abu Bakar  
**No. Staf** : 00057  
**Jawatan** : Pembantu Perpustakaan  
**Pejabat** : Pejabat Perpustakaan

Ahmad berasa amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan-Nya, beliau telah dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini. Sesungguhnya, pengiktirafan ini sangat besar ertinya kepada beliau kerana ia menjadi penyuntik semangat dalam usahanya mempertingkatkan lagi kecemerlangan prestasi, khususnya di Perpustakaan dan dalam KUTKM amnya.

Beliau yang bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan mulai 14 Mei 2001 beranggapan kecemerlangan tidak mungkin datang bergolek tanpa usaha gigih yang berterusan. Justeru, untuk mencipta kecemerlangan beliau sentiasa mendisiplinkan diri serta berusaha memenuhi setiap tugas serta arahan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Beliau sering berhadapan dengan kerenah pelanggan apabila bertugas di kaunter namun baginya kepuasan pelanggan perlu diutamakan terlebih dahulu.

Di samping melaksanakan tugas harian, Ahmad turut melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti Universiti seperti menjayakan Minggu Haluan Siswa dan menjadi fasilitator semasa Kursus Induksi Umum untuk Kumpulan Sokongan anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia. Di peringkat Jabatan pula, beliau memegang jawatan sebagai Bendahari Kelab Staf Perpustakaan (LISTAC) di samping menyelaraskan semua aktiviti sukan di Perpustakaan. Ahmad turut memberikan sumbangan melalui penglibatannya dalam bidang sukan apabila mewakili KUTKM dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti dan Sukan Melaka.





|                 |          |                                |
|-----------------|----------|--------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>F. Haslinda binti Harun</b> |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00286</b>                   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pembantu Perpustakaan</b>   |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Perpustakaan</b>    |

F. Haslinda amat berterima kasih kepada pihak pengurusan di Pejabat Perpustakaan yang telah banyak membimbingnya hingga beliau mampu melaksanakan tugas beliau dengan lebih mudah dan efektif lagi.

Amalan yang beliau praktikkan selama ini sebagai seorang Pembantu Perpustakaan ialah bersikap bertanggungjawab terhadap setiap perkara yang dilakukan. Saya juga sentiasa mendidik diri agar menerima segala teguran mahupun kritikan dengan hati yang terbuka. Perkara ini penting bagi mewujudkan situasi kerja yang lebih selesa. Persekitaran yang harmonis dan sikap saling hormat menghormati sesama rakan sekerja banyak membantu beliau dalam menyempurnakan tanggungjawabnya dengan lebih produktif.

Sumbangan Haslinda tidak hanya tertumpu dengan kerja-kerja di Jabatan semata-mata. Malah, beliau juga sentiasa memberikan kerjasama dengan pihak pengurusan KUTKM. Beliau banyak melibatkan diri dalam bidang sukan serta membantu dalam penganjuran peringkat KUTKM.





|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>: Zainal bin Mahdi</b>                        |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00299</b>                                   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Juruteknik Elektrik</b>                     |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset</b> |



Zainal mula berkhidmat di KUTKM pada 1 Mac 2002 dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebagai Juruteknik. Beliau kemudiannya ditempatkan pula di Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset pada 25 Februari 2003 sebagai seorang Juruteknik Elektrik.

Bidang tugas beliau merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih pemasangan elektrik, pemasangan talian telefon, menyelia kerja-kerja kontraktor elektrik serta penyediaan untuk upacara rasmi Universiti.

Antara sumbangan yang telah beliau curahkan di KUTKM ialah membantu membangunkan Makmal Fakulti Kejuruteraan Elektrik (pelan susun atur peralatan) untuk Kampus Tetap. Beliau turut terlibat dengan kerja-kerja perundingan projek perolehan dan pentauliahan peralatan lapan Institut Kemahiran Belia Negara (Baru) di dalam bidang elektrik dengan usaha sama Kementerian Belia & Sukan, Biro Inovasi Perundingan (UTM) dan Pusat Penyelidikan, Perundingan & Pendidikan Berterusan (KUiTTHO).

Zainal berazam untuk bekerja lebih tekun dan meningkatkan daya saingnya bagi memastikan prestasi cemerlang ini dikekalkan.

**Nama** : Shahran bin Moksen @ Mohd Hussin  
**No. Staf** : 00134  
**Jawatan** : Juruteknik Kanan (Elektrik)  
**Pejabat** : Pejabat Pembangunan  
dan Pengurusan Aset

Shahran mula bertugas di KUTKM pada 12 Julai 2001. Beliau telah ditempatkan di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset dan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan, menyediakan naskhah sebut harga, menyelia kerja ubah-suai, membuat kerja-kerja pemasangan yang berkaitan bersama-sama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Telekom Malaysia (STM). Selain itu, beliau juga menjadi jawatankuasa teknikal bagi upacara rasmi Universiti. Beliau juga turut dipertanggungjawabkan sebagai staf tunggu sedia elektrik selepas waktu pejabat.

Pengalaman 17 tahun berkhidmat dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), membolehkan beliau melaksanakan segala tanggungjawab yang diberi, dengan berkesan. Berasaskan kepada kesungguhan dan kecekapan itulah, membolehkan beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Juruteknik Kanan (Elektrik) pada tahun 2003.

Shahran sentiasa aktif bergiat di dalam di dalam bidang sukan khususnya sukan bola sepak. Pengetahuan dan kemahiran beliau yang tinggi dalam bidang tersebut tidak dapat disangkal lagi sehingga beliau dilantik sebagai jurulatih bola sepak kepada pasukan staf dan juga pelajar KUTKM. Beliau juga mewakili Jabatan Pendidikan Negeri Melaka ke Pesta MSKPPM Kebangsaan 2003 di Negeri Sembilan.





**Nama** : Rosli bin Embong  
**No. Staf** : 00325  
**Jawatan** : Juruteknik  
**Pejabat** : Pejabat Pembangunan dan  
Pengurusan Aset



Rosli, bekerja di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset sememangnya mempunyai cabaran yang tersendiri. Beliau yang telah dilantik sebagai juruteknik di bawah Unit Upacara dan kini Unit Pembinaan, bertanggungjawab secara langsung untuk mengendalikan semua persiapan majlis rasmi KUTKM. Setiap kali persiapan majlis sedemikian, ramai tenaga kerja diperlukan untuk mengangkut peralatan dan perabot. Kerja-kerja persiapan ini biasanya mengambil masa seharian dan selalunya staf yang terlibat perlu berjaga sepanjang malam demi memastikan persiapan majlis rasmi berjalan lancar.

Selain itu, Rosli juga bertanggungjawab mengendalikan sistem laporan kerosakan dan penyelenggaraan di seluruh Kampus Sementara KUTKM supaya tindakan segera dapat diambil. Baginya tugas ini begitu mencabar kerana perlu berhadapan dengan pelbagai karenah pelanggan. Namun berkat kesabaran dan kesungguhan serta sokongan penyelia dan pengurusan atasan terutama di Pejabat Pembangunan, beliau dapat melaksanakan tugasnya dengan baik.

Beliau turut mewakili pasukan bola sepak KUTKM dalam beberapa kejohanan yang diadakan. Rosli juga menjadi pemain bola sepak bagi Pejabat Pembangunan dalam kejohanan yang diadakan di peringkat Universiti.



|                 |          |  |
|-----------------|----------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Hasan bin Saleh</b>                               |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00050</b>   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pembantu Tadbir<br/>(Perkeranian dan Operasi)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pejabat Pembangunan dan<br/>Pengurusan Aset</b>   |

Hasan yang bertugas sebagai Pembantu Tadbir di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset mula berkhidmat di KUTKM semenjak 4 Mei 2001. Beliau dipertanggungjawabkan untuk menjaga bahagian kewangan Pejabat, alat tulis dan urusan pembayaran bil utiliti dan sebagainya.

Beliau juga sering terlibat dengan majlis-majlis rasmi anjuran Universiti seperti Minggu Haluan Siswa, Majlis Konvokesyen Komemoratif dan beberapa majlis lain. Beliau juga pernah mewakili KUTKM pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia.

Hasan berpendapat bahawa semangat dan minat bekerja yang tinggi mampu menjadikan seseorang itu lebih komited kepada tugasnya. Oleh sebab itulah beliau sentiasa cuba mewujudkan kelainan dalam tugas hariannya.





|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>: Noraida binti Attan</b>                     |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00009</b>                                   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pengarah Pembangunan</b>                    |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset</b> |



Noraida telah berkhidmat di KUTKM sejak awal penubuhannya dan merupakan salah seorang tenaga penggerak KUTKM bersama-sama dengan Pegawai-pegawai Kanan yang lain.

Beliau dilantik sebagai Pengarah Pembangunan iaitu satu tanggungjawab yang sangat besar dalam memastikan pembangunan dan penyediaan prasarana yang lengkap di Kampus Sementara KUTKM. Pada masa yang sama, beliau dipertanggungjawabkan untuk menguruskan projek pembangunan Kampus Tetap KUTKM di daerah Durian Tunggal. Berbekalkan pengalaman kerja selama lebih 18 tahun dalam pembangunan fizikal kampus UTM di Skudai, Johor, setakat ini beliau telah berjaya melaksanakan tugasnya dengan cemerlang sehingga dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2003.

Beliau telah terlibat secara langsung dalam perancangan pembangunan Kampus Tetap KUTKM daripada merangka penyata pelanggan, penyediaan kertas konsep pembangunan, anggaran kos pelaksanaan, hinggalah kepada berurusan dengan agensi Pusat untuk kelulusan dan penyelarasan pengurusan projek. Pada 2003, beliau dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa Pelaksana Persiapan Teknikal untuk dua majlis utama Universiti iaitu Majlis Konvokesyen Komemoratif KUTKM 2003 dan Kejohanan Golf Antara Universiti Malaysia.

Maka, tidak hairanlah jika Noraida sering mendapat jolokan 'Iron Lady' of KUTKM. Semoga prestasi cemerlang beliau ini akan dapat dikekalkan pada tahun-tahun yang akan datang.



|                 |                                  |
|-----------------|----------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>: Norhazlena binti Sabtu</b>  |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00085</b>                   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pegawai Sistem Maklumat</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pusat Komputer</b>          |

Norhazlena mula berkhidmat di KUTKM pada 5 Jun 2001 dan beliau merupakan staf Pusat Komputer yang ketiga melapor diri. Beliau telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Bahagian Sistem Maklumat yang merangkumi Sistem Maklumat Pelajar, Sistem Maklumat Kewangan dan Sistem Maklumat Sumber Manusia. Beliau telah diamanahkan untuk memberi perhatian khusus kepada pembangunan dan pelaksanaan Sistem Maklumat Pelajar. Kewibawaan beliau terserlah apabila Sistem Maklumat Pelajar merupakan sistem maklumat yang pertama yang berjaya dilaksanakan sepenuhnya di KUTKM.

Selain daripada memantau pengurusan Sistem Maklumat Pelajar, beliau turut mengendalikan latihan penggunaan sistem di kalangan pengguna, mengetuai Biro Pendaftaran semasa sesi pendaftaran pelajar baru dan juga terlibat dalam beberapa acara rasmi KUTKM. Bagi Norhazlena, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini telah memberi erti yang amat besar pada dirinya. Beliau berazam untuk menjadikannya satu dorongan untuk beliau bekerja dengan lebih gigih lagi bagi menaikkan nama KUTKM pada masa depan.





|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Nama</b>     | <b>: Lela binti Omar</b>                      |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00020</b>                                |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pembantu Tadbir<br/>(Kesetiausahaan)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Pusat Komputer</b>                       |

Lela telah berkhidmat dengan KUTKM mulai 13 Mac 2001 dan ditempatkan di Pusat Komputer. Beliau merupakan antara kumpulan yang terawal melapor diri di KUTKM. Menurutnya, keadaan pejabat yang serba kekurangan pada ketika itu menerbitkan rasa syukur di hatinya kerana telah diberi peluang pekerjaan di KUTKM. Semenjak itu, beliau berazam untuk bekerja bersungguh-sungguh demi menaikkan nama KUTKM.

Sepanjang perkhidmatannya, Lela tidak pernah menghadkan sumbangannya hanya kepada tugas-tugas hakiki semata-mata. Selain daripada menjalankan tugas hakiki iaitu membantu dalam melicinkan tugas-tugas harian Pengarah Pusat Komputer, beliau sering terlibat secara langsung dengan majlis rasmi anjuran Universiti. Pengalaman paling berharga buatnya adalah mengendalikan Mesyuarat Jawatankuasa ICT IPTA yang telah berlangsung pada 25 Februari 2003 di Hotel Equatorial Melaka. Ini adalah kerana ini merupakan mesyuarat utama yang melibatkan semua IPTA dan beliau telah mengendalikannya sendiri dengan bantuan rakan-rakan sekerja di Pusat Komputer. Mesyuarat tersebut telah berjaya diadakan dengan sempurna.

Lela amat bersyukur di atas penghargaan yang diberikan ini dan berterima kasih kepada semua staf khususnya kepada Pengarah Pusat Komputer yang tidak jemu-jemu memberinya perangsang dan teguran demi kebaikan prestasi kerja dan peribadinya.





**Nama** : Hayani binti Abu Yamin  
**No. Staf** : 00206  
**Jawatan** : Pegawai Sistem Maklumat  
**Pejabat** : Pusat Komputer

Sebagai Pegawai Sistem Maklumat di Pusat Komputer, Hayani telah ditugaskan di Unit Sistem Maklumat Kewangan. Beliau bertanggungjawab membangunkan dan menyelenggarakan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu, yang terdiri daripada Sistem Belanjawan, Pembayaran, Pembelian, Gaji, Terimaan, Aset Tetap dan lain-lain modul lagi yang berkaitan dengan kewangan. Beliau perlu memastikan segala keperluan daripada pihak pengguna dapat dikenal pasti bagi menjamin mewujudkan persekitaran Teknologi Maklumat yang boleh menyumbang ke arah kecemerlangan akademik dan kecekapan pengurusan di KUTKM.

Selain daripada menjalankan tugas-tugas hakiki, Hayani juga bergiat aktif dengan kegiatan luar hingga terpilih mewakili KUTKM ke Sukan Intervarsity. Beliau turut terlibat dalam program-program khidmat masyarakat kerana ia merupakan minatnya semenjak beliau masih menuntut lagi.

Hayani percaya sikap positif seperti berdisiplin, yakin diri dan bertanggungjawab yang sentiasa menjadi amalannya, merupakan antara faktor kejayaan beliau ini. Menurut beliau, prinsip yang menjadi pegangan hidupnya ialah 'sentiasa ikhlas melaksanakan tugas yang telah diamanahkan'.



**Nama** : Noreliza binti Adam  
**No. Staf** : 00049  
**Jawatan** : Pembantu Tadbir  
(Perkeranian & Operasi)  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan Elektronik  
dan Kejuruteraan Komputer



Noreliza mula berkhidmat di KUTKM pada 5 Mei 2001 dan kemudiannya diarahkan bertugas di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sehingga kini. Memulakan kerjaya di sebuah organisasi yang ditubuhkan ketika itu, nyata sangat mencabar baginya. Namun, berbekalkan pengalaman kerja selama 10 tahun, banyak membantu beliau menjalankan tugasnya dengan baik.

Bagi Noreliza, penerimaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu kejutan yang menggembirakan untuk dirinya. Pada beliau, tiada yang istimewa yang telah disumbangkan olehnya cuma beliau sentiasa memberikan komitmen yang penuh dalam melaksanakan tugas. Sikap tugas yang diamanahkan kepadanya sedaya upaya beliau cuba laksanakan mengikut kehendak penyelia seperti yang diarahkan. Beliau merasa beruntung kerana suasana harmoni yang wujud di FKEKK, sedikit sebanyak telah membantunya memberikan penghasilan kerja yang lebih cemerlang.

Noreliza akur bahawa beliau mungkin tidak mampu untuk menyumbangkan wang ringgit yang banyak, tetapi beliau yakin dan percaya bahawa khidmat tenaga yang diberikan tanpa rasa berbelah bagi lebih bererti bagi mencapai wawasan Universiti.



|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>: Ahmad Jamal bin Salim</b>   |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00249</b>   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Profesor Madya</b>  |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Fakulti Kejuruteraan<br/>Elektronik dan Kejuruteraan<br/>Komputer</b> |

Prof. Madya Ahmad Jamal telah memulakan perkhidmatan di KUTKM pada awal 2002. Kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam bermula sejak 1981 apabila diterima sebagai Jurutera dengan RTM, Kementerian Penerangan Malaysia. Kemudian beliau telah berhijrah pula ke UiTM Shah Alam selaku Pensyarah dan telah berkhidmat selama 17 tahun dalam bidang ini.

Pengalaman 20 tahun dalam bidang pengajaran kejuruteraan di UiTM, telah digunakan sebaik mungkin untuk memacu kerjayanya di KUTKM. Sedikit sebanyak, pengalaman itu telah membuahkan hasil apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) di FKEKK semenjak 1 Julai 2003 yang lalu.

Apa yang menarik mengenai Prof. Madya Ahmad Jamal ialah modus operandi beliau dalam melaksanakan tugas. Beliau berpegang kepada prinsip bahawa pejabat adalah 'rumah kedua' beliau manakala rumah pula adalah 'pejabat keduanya'. Ahmad Jamal turut beranggapan staf Fakulti sebagai 'keluarga kedua'. Berpegang kepada prinsip inilah beliau telah berjaya melaksanakan tugas-tugasnya dengan baik tanpa mengira masa dan tenaga, termasuklah wang ringgit. Beliau tidak lokek untuk mengeluarkan wang ringgit sendiri semata-mata untuk membeli peralatan kerja yang dapat meringankan sedikit beban tugasnya dan pada masa yang sama dapat meningkatkan kualiti kerja beliau.

Prof. Madya Ahmad Jamal sentiasa berusaha menerbitkan rasa ikhlas di hatinya dan tidak mengharapkan balasan segera di dunia ini. Selagi masih bernafas dan diizinkan Allah, beliau bertekad akan terus menabur bakti kepada anak bangsa, KUTKM dan negara tercinta.




**Nama** : Nurulfajar bin Abd Manap  
**No. Staf** : 00306  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan Elektronik  
dan Kejuruteraan Komputer

Awal Mac, 2002 merupakan permulaan kerjaya bagi Nurulfajar apabila diterima berkhidmat di KUTKM sebagai tutor, dan kemudiannya dilantik sebagai pensyarah di FKEKK pada Ogos, 2002. Menjadi seorang pensyarah adalah satu perkara yang amat bermakna baginya kerana ia merupakan satu peluang untuk menyumbang sesuatu yang berharga, yakni ilmu, dalam kehidupan insan lain.

Tugas sebagai seorang pendidik bukanlah satu tugas yang mudah kerana ia memerlukan pengorbanan, kesabaran dan ketekunan. Setiap hari pasti akan memberikan cabaran dan dugaan yang baru. Berdasarkan pengalaman dan pengamatan beliau apabila menerima pengajaran daripada guru dan pensyarah yang berkualiti semasa di sekolah dan universiti, beliau telah terdorong untuk menyambung perjuangan mereka di dalam dunia akademik. Biarpun pulangannya dalam bentuk material tidaklah sehebat bekerja di dunia luar, kepuasan memberi dan berkongsi ilmu adalah sesuatu yang amat bernilai. Dan apa yang beliau harapkan, hanyalah keberkatan daripada-Nya.

Pada Julai 2003, Nurulfajar telah diberi kepercayaan untuk bersama-sama menerajui pentadbiran di fakulti apabila dilantik sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Komputer. Biarpun masih muda dan mentah di dunia akademik, atas dorongan dan sokongan daripada Dekan dan rakan sekerja, tanggungjawab tersebut cuba dilaksanakan dengan sebaiknya. Nurulfajar juga turut menyumbangkan ilmu dan ideanya dalam menyediakan laman web fakulti. Biarpun dibatasi dengan tanggungjawab yang besar sebagai seorang pensyarah, hubungan dengan pelajar tetap diberikan perhatian apatah lagi apabila dilanti sebagai Penasihat Persatuan Mahasiswa Pelajar FKEKK (EcCESS).





|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>: Nuraida binti Ismail</b>  |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00055</b>   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)</b>                              |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Fakulti Kejuruteraan Elektronik<br/>dan Kejuruteraan Komputer</b> |

Tanggal 14 Mei 2001 telah menerbitkan kenangan manis bagi Nuraida kerana impiannya untuk bertugas dengan sektor awam, khususnya KUTKM, akhirnya tercapai. Sebelum itu, beliau bekerja dengan syarikat swasta selama dua tahun.

Segala ilmu yang diterima dahulu sepanjang pengajian sewaktu menuntut di UiTM dahulu, telah diaplikasikan dengan melaksanakan tugas di KUTKM. Sungguhpun begitu sebagai seorang setiausaha, apa yang lebih penting ialah sentiasa bersikap positif semasa melaksanakan tugas. Baginya, sikap positif seperti sabar, bijak merancang masa depan dan berfikiran jauh, mampu membezakan seorang setiausaha yang baik atau sebaliknya.

Noraida tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua staf Fakulti khususnya kepada Dekan, kerana telah banyak memberikan kerjasama, tunjuk ajar serta teguran yang membina sehingga beliau mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang.





|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Nama</b>     | : Azman bin Kamani   |
| <b>No. Staf</b> | : 00005  |
| <b>Jawatan</b>  | : Juruteknik Kanan   |
| <b>Pejabat</b>  | : Fakulti Kejuruteraan Elektronik<br>dan Kejuruteraan Komputer |

Azman adalah antara staf yang terawal berkhidmat dengan KUTKM. Beliau telah mengalami pelbagai pahit maung dalam membangunkan Universiti ini bersama-sama dengan beberapa pegawai perintis KUTKM yang lain. Beliau telah bersama-sama dengan KUTKM sejak ia beroperasi di pejabat sementara di UTM, Skudai lagi sehinggalah Universiti mempunyai kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.

Sepanjang tempoh penubuhan KUTKM, Azman melaksanakan pelbagai tugas walaupun ada antaranya bukan di bawah bidang tugas beliau. Daripada tugas pentadbiran hinggalah ke urusan perjawatan dan pengambilan pelajar, pengorbanan sebeginilah yang berjaya menjadikan KUTKM sebuah organisasi yang stabil dan kini mengorak langkah ke arah kecemerlangan yang lebih gemilang.

Sekarang, Azman dilantik sebagai Juruteknik Kanan di FKEKK dan beliau perlu menyelia 13 juruteknik di bawahnya. Selain itu, beliau turut terlibat secara aktif dalam kegiatan luar antaranya ialah sebagai AJK BAKUTKM dan AJK Persatuan Penduduk Taman Tasik Utama. Beliau adalah juga AJK Koperasi KUTKM Berhad (Biro Pendidikan & Keusahawanan) serta pemain tenpin boling KUTKM dan pernah mewakili Universiti ke Kejohanan Kesatuan Gabungan Anggota Kerajaan Universiti Malaysia (GAKUM).

**Nama** : Ahmad Shaarizan bin Shaarani  
**No. Staf** : 00046  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Fakulti Teknologi Maklumat dan  
Komunikasi



Ahmad Shaarizan mula berkhidmat di KUTKM sebagai Pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) sejak 2 Mei 2001. Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Media Interaktif (MI) pada 1 Ogos 2003. Beliau merupakan salah seorang yang berperanan besar dalam membangunkan FTMK. Berbekalkan pengalaman sewaktu berkhidmat di Universiti Utara Malaysia (UUM) sebelum ini, Ahmad Shaarizan banyak menyumbangkan idea, masa dan tenaganya bagi memantapkan pengurusan Universiti. Beliau sendiri mengakui bahawa kadang kala beban yang ditanggung terasa amat berat. Namun berkat tunjuk ajar, kerjasama serta sokongan daripada Dekan dan staf lain di Fakulti, beliau mampu melaksanakan tugasnya dengan baik.

Ahmad Shaarizan juga dilantik sebagai salah seorang felo di Asrama Siswa bagi menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar di bawah jagaannya. Ini bermakna, tugas beliau tidak terhenti setakat waktu pejabat sahaja. Sungguh pun begitu, segala tanggungjawab telah beliau tunaikan dengan hati yang ikhlas.



|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Nama</b>     | : Dr. Shahrin bin Sahib                     |
| <b>No. Staf</b> | : 00463                                     |
| <b>Jawatan</b>  | : Profesor Madya                            |
| <b>Pejabat</b>  | : Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi |



Prof. Madya Dr. Shahrin menyertai KUTKM pada akhir 2002. Sebagai pensyarah ketika itu, beliau bertanggungjawab dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan pelajar ijazah dan pasca ijazah, membuat penyelidikan dan penulisan akademik, melaksanakan kerja-kerja perundingan dan penasihat serta aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat. Apabila dilantik sebagai Timbalan Dekan, beliau telah terlibat dengan tugas-tugas perancangan dan pentadbiran fakulti pula.

Antara penulisan yang telah beliau hasilkan pada 2003 ialah *'An approach for Developing a Pro-Active Network Security Infrastructure'*, *Pengaruh IT Dalam Institusi Keluarga* dan *Pendidikan ICT Berorientasikan Amalan Dan Aplikasi di KUTKM*.

Dalam bidang perundingan dan penasihat pula, antara khidmat yang telah disumbangkan di peringkat kebangsaan dan negeri adalah sebagai ahli Panel Pakar Kesihatan ICT (Niser, NITC), Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat (IT) Kerajaan Negeri Melaka dan Ahli Mesyuarat Penyediaan ICT Masterplan Negeri Melaka.

Manakala sumbangan khidmat masyarakat beliau pula ialah menjadi AJK Pemandu projek *E-masjid* Kerajaan Negeri Melaka, AJK Persatuan Falak Syarie Melaka dan menyebarkan maklumat berkaitan ICT melalui program Radio Malaysia Melaka (RMM) dan Radio Malaysia Johor (RMJ) pada Rabu dan Sabtu setiap minggu.

**Nama** : Noor Azilah binti Draman @ Muda  
**No. Staf** : 00210  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Fakulti Teknologi Maklumat  
dan Komunikasi

Noor Azilah memulakan tugas sebagai pensyarah pada Disember 2001 di Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Tugas mengajar pada mulanya dirasakan begitu mencabar keupayaan diri. Bagaimanapun, berkat kesabaran dan usaha yang gigih beliau, masalah itu diatasi sepenuhnya. Selama dua tahun berada di KUTKM, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar subjek-subjek seperti Kejuruteraan Perisian, Teknik Pengaturcaraan, Analisa dan Pembangunan Sistem dan Reka bentuk Pangkalan Data. Selain mengajar, beliau juga menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat fakulti. Di samping itu, beliau turut terlibat dengan kerja-kerja komuniti yang melibatkan masyarakat luar kampus seperti program E-masjid dan juga kursus bagi guru-guru sekolah. Beliau turut dipertanggungjawabkan sebagai salah seorang tenaga pengajar yang terlibat dalam program persijilan profesional iaitu *Oracle Certified Program (OCP)* yang akan melibatkan pelajar FTMK.

Noor Azilah kini sedang mengetuai satu projek penyelidikan berkaitan sistem pintar yang memfokuskan kepada penggunaan *Rule Based* dalam sistem yang sedang dibangunkan.

Beliau yakin, segala penat lelah yang telah diberikan secara ikhlas tidak akan sia-sia kerana walau sekecil dan sebesar mana pun sumbangan yang diberikan, pasti akan mendapat balasannya.





|                 |          |  |
|-----------------|----------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Maslita binti Abd. Aziz</b>                   |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00047</b>                                     |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pensyarah</b>                                 |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi</b> |

Maslita berasa syukur apabila dimaklumkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2003. Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan kepimpinan FTMK dan juga kepada rakan-rakan sejawatnya serta staf-staf lain di FTMK. Menurut beliau, tanpa tunjuk ajar, nasihat serta sokongan daripada mereka semua, beliau tidak mungkin dapati melaksanakan tugasnya dengan baik.

Semangat serta minat untuk menjadi seorang pendidik sentiasa menyala dalam dirinya dan ia menjadi faktor pendorong yang utama apabila beliau dilantik sebagai Pensyarah di KUTKM. Konsep pendidikan yang berbeza yang diamalkan di Universiti ini iaitu melalui konsep amalan dan latihan, merupakan sesuatu yang menarik bagi beliau dan pada masa yang sama menjadi satu cabaran kepada Maslita. Namun, beliau sentiasa mencuba untuk memberikan yang terbaik kerana beliau percaya bahawa usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan dengan hati yang ikhlas, akan diredhai oleh-Nya dan pasti memberikan hasil yang lebih cemerlang.

**Nama** : Sabrina binti Ahmad  
**No. Staf** : 00402  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Fakulti Teknologi Maklumat  
dan Komunikasi



Sabrina lebih dikenali oleh warga Universiti sebagai pensyarah bersuara merdu kerana beliau sering dijemput menjadi pengacara bagi kebanyakan majlis rasmi Universiti.

Dalam melaksanakan tugas-tugas hakikinya sebagai pensyarah, beliau telah memberikan sepenuh komitmen dalam mendidik anak bangsa sama ada semasa memberikan kuliah mahupun semasa latihan amali di makmal. Pada masa yang sama, beliau juga menjalankan tugas-tugas menyelia pelajar Latihan Industri dan Bengkel sebagaimana yang terkandung dalam kurikulum Fakulti. Dalam bidang penyelidikan, beliau turut melibatkan diri dalam dua projek pembangunan dan penyelidikan (R&D) iaitu *KUTKM Virtual Tour* dan *Kajian Keberkesanan Penggunaan ASSIS di FTMK*.

Melihatkan daripada kebolehannya, Sabrina telah diberi kepercayaan oleh pihak HEP untuk melatih Pasukan Debat Universiti dan turut dilantik sebagai Hakim Pertandingan Debat Piala Diraja di UPSI serta Pertandingan Debat Inter-Varsiti di UTM oleh pihak penganjur.

Sabrina berazam agar anugerah ini akan dijadikan motivasi untuk beliau melaksanakan semua amanah yang diberikan dengan baik.





|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Nama</b>     | : Hajah Norasiken binti Bakar               |
| <b>No. Staf</b> | : 00177                                     |
| <b>Jawatan</b>  | : Penyelaras Program Diploma                |
| <b>Pejabat</b>  | : Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi |

Hajah Norasiken mempunyai pengalaman selama 11 tahun sebagai seorang pendidik. Berdasarkan kepada pengalaman dan dedikasinya kepada tugas, beliau telah dilantik sebagai Penyelaras Program Diploma di FTMK. Di bawah kepimpinannya, Jabatan beliau telah berjaya menganjurkan Kursus Motivasi Dan Penasihatatan Akademik untuk pelajar Diploma. Beliau juga turut dilantik sebagai tenaga pengajar Kelab Komputer KUTKM. Dalam bidang penyelidikan, Hajah Norasiken telah bertindak sebagai Ketua Penyelidikan Geran Jangka Pendek dan turut mengambil bahagian dalam pameran pendidikan di PWTC mengenai penyelidikan tersebut. Apabila pihak KUTKM berjaya mendapat projek JICA Pre-Departure Briefing, beliau telah dijemput untuk terlibat sama dalam pembangunan projek tersebut.

Hajah Norasiken merupakan contoh staf yang sangat aktif dengan kerja-kerja luar dan tidak lokek menyumbangkan masa dan tenaganya untuk aktiviti khidmat masyarakat. Antara kerja luar yang disertai ialah projek e-Tuisyen untuk Rakyat Negeri Melaka, terlibat dalam penganjuran kursus Kem ICT untuk belia dan pelajar sekolah negeri Melaka serta menjadi salah seorang daripada tenaga pengajar bagi kursus e-Masjid anjuran Kerajaan Negeri Melaka. Selain daripada itu, beliau pernah dilantik menjadi hakim bagi Program Tunas Saintis MRSM seluruh Malaysia (peringkat Menengah Rendah). Di peringkat KUTKM, beliau merupakan salah seorang daripada AJK PUSPAWANIKU di bawah BAKUTKM.

Walaupun Hajah Norasiken sibuk dan kadang kala terbeban dengan tanggungjawab yang banyak, berkat dorongan, sokongan dan tunjuk ajar daripada rakan sekerja dan semua staf di FTMK, beliau mampu menanganinya dengan berkesan.



**Nama** : Md. Hairul Nizam bin Talib  
**No. Staf** : 00337  
**Jawatan** : Penyelaras Diploma  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Md. Hairul Nizam memulakan kerjaya di KUTKM sebagai Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) sejak 22 April 2002. Beliau kini beliau dilantik sebagai Penyelaras Diploma dan Penyelaras Makmal di Fakulti tersebut. Selama perkhidmatannya di sini, beliau berpeluang menimba pengetahuan dan pengalaman dalam bidang teknikal, pentadbiran dan juga aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beliau kini sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di The University Of Nottingham, United Kingdom

Dalam melaksanakan tugas, Md. Hairul Nizam sentiasa meletakkan perancangan yang teliti sebagai asas penting sebelum memulakan sesuatu. Pada beliau, keberkesanan sesuatu tugas itu juga banyak bergantung kepada disiplin diri dan hubungan yang harmoni dengan semua pihak. Sesuatu tugas itu tidak mungkin berjaya tanpa kerjasama daripada pihak yang terlibat.

Sebelum berangkat ke United Kingdom, beliau sempat merakamkan ucapan terima kasih kepada Dekan FKE serta semua rakan-rakan sekerjanya, termasuk pihak pentadbiran di Fakulti yang sentiasa memberikannya sokongan dan kerjasama sehingga beliau mampu melaksanakan tugas-tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.





**Nama** : Mohd Ariff bin Mat Hanafiah  
**No. Staf** : 00454  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan Elektrik

‘Setiap tugas adalah satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen serta iltizam yang tinggi’. Itulah prinsip yang diamalkan oleh Mohd Ariff untuk berjaya. Justeru, beliau merasakan sukar untuk menolak sesuatu tugas yang diberikan dan kepercayaan tersebut sentiasa dilaksanakannya dengan penuh komitmen tanpa mengira masa. Pengalaman-pengalaman lepas beliau sebelum ini banyak mempengaruhi cara beliau bekerja dan berkomunikasi dengan orang lain. Sikap beliau yang peramah membuatkan beliau sangat disenangi di kalangan staf-staf di FKE dan ini mewujudkan suasana yang kondusif untuk bekerja.

Sepanjang perkhidmatan Mohd Ariff, beliau banyak melibatkan diri dengan perancangan dan pemantapan pengurusan fakulti seperti Bengkel Perancangan Strategik Universiti, Peraturan Akademik dan lain-lain lagi, termasuklah usaha untuk mendapatkan Pensijilan Kualiti ISO 9001 untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Kerana pengalaman dan kepakarannya, beliau telah diajak untuk terlibat secara langsung dalam pembentukan program baru fakulti iaitu Mekatronik. Selaku Ketua Jabatan Kawalan, Instrumen & Automasi, beliau perlu memberi panduan kepada pensyarah baru tentang proses penyediaan, perancangan pengajaran monograf dan sebagainya.

Mohd Ariff juga merupakan seorang jurulatih silat Malaysia yang bertauliah. Disebabkan penglibatan aktifnya dalam Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM), beliau telah dilantik sebagai Bendahari Pertubuhan Pusat dan juga Naib Pengerusi PSGFM cawangan Melaka. Buat masa ini, aktiviti utama pertubuhan ini ialah mengajar silat di kalangan staf dan individu luar Universiti di gelanggang Kompleks Belia Dan Sukan, Ayer Keroh dan melakukan kerja-kerja kebajikan.





|                 |          |  |
|-----------------|----------|--|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Masri binti Haji Awaludin</b>                       |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00054</b>   |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pembantu Tadbir<br/>(Perkeranian &amp; Operasi)</b> |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Fakulti Kejuruteraan Elektrik</b>                   |

Bagi Masri, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu penghargaan yang tidak disangka-sangka dan ia adalah satu pengalaman manis bagi dirinya. Pada beliau, Anugerah ini mungkin terlalu besar untuk dibandingkan dengan sumbangannya kepada KUTKM walaupun telah lebih tiga tahun berkhidmat di sini.

Berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir di FKE, beliau telah sedaya upaya melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dengan sebaik mungkin. Namun rahsia di sebaliknya ialah beliau sentiasa memberikan 101% usaha dan penumpuan supaya penghasilan kerja tersebut adalah cemerlang dan bukan setakat baik sahaja. Sikap sebeginilah yang harus dicontohi oleh semua warga Universiti.

Masri merakamkan penghargaan kepada semua pihak terutama rakan-rakan sekerjanya yang sentiasa memberikan kerjasama kepada beliau selama ini.





|                 |          |   |
|-----------------|----------|---|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Juhari bin Ab. Razak</b>               |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00381</b>                              |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Pensyarah</b>                          |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Fakulti Kejuruteraan<br/>Mekanikal</b> |

Juhari bertugas di FKM sejak 1 Julai 2002 dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Jabatan Terma-bendalir pada 1 Oktober 2002. Sejak berkhidmat di KUTKM, beliau telah banyak menyumbangkan tenaga dan buah fikiran bagi memajukan FKM khususnya, melalui jawatan yang disandang ketika ini dan juga melalui penglibatannya dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan di FKM, seperti Jawatankuasa Pembangunan Kampus Tetap, Jawatankuasa Kajian Pasaran, Jawatankuasa Akademik & HEP, Jawatankuasa Penubuhan Program Akademik Baru, Jawatankuasa Akreditasi & Kualiti serta Jawatankuasa Teknologi Maklumat & Komunikasi.

Selain melaksanakan tugas hakiki sebagai Pensyarah dengan cemerlang, Juhari juga telah terlibat dalam penyelidikan jangka pendek yang bertajuk 'Development Of A Generic STEP-Based Product Data Models In CIM Intergration Frame Work Of CAPP'. Di peringkat Universiti, beliau telah menyumbang tenaga sebagai ahli Jawatankuasa Kecil Keputusan & Rekod sempena Kejohanan Golf IPTA 2003. Beliau juga telah dipilih untuk mewakili Pilihan Kriket Veteran Melayu Malaysia menentang Old Georgians bagi merebut Perisai Ung Tat Hean di peringkat nasional.

Beliau berazam untuk meningkatkan lagi prestasi kerjanya dan berjanji untuk terus menyumbang kepada pembangunan KUTKM selagi hayat dikandung badan.

**Nama** : Rashdan bin Seman  
**No. Staf** : 00150  
**Jawatan** : Juruteknik  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Rashdan mula berkhidmat di KUTKM mulai 28 Julai 2001 dan merupakan Juruteknik pertama yang berkhidmat di FKM. Beliau kini bertugas di Makmal Mekanik Bahan & Struktur. Setelah berkhidmat lebih tiga tahun di KUTKM, beliau boleh dianggap sebagai 'mentor' oleh rakan-rakan sejawatnya di FKM. Sungguhpun begitu, beliau tidak lokek dengan pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki. Beliau mudah memberikan kerjasama dan sentiasa bersikap 'mesra pelanggan' terhadap staf mahupun pelajar yang berurusan dengannya.

Rashdan mempunyai minat yang tinggi dalam bidang sukan dan juga cenderung untuk menyumbangkan kebolehannya dalam sukan bola sepak dan olahraga terutamanya dalam mewakili FKM dalam kejohanan peringkat Universiti. Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kelab Kebajikan, Sukan & Rekreasi (KESURI-FKM).

Beliau berjanji akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh di masa hadapan untuk mengekalkan prestasinya yang cemerlang selama ini.







|                 |   |
|-----------------|---|
| <b>Nama</b>     | <b>: Masjuri bin Musa @ Othman</b>          |
| <b>No. Staf</b> | <b>: 00322</b>                              |
| <b>Jawatan</b>  | <b>: Jurutera Pengajar</b>                  |
| <b>Pejabat</b>  | <b>: Fakulti Kejuruteraan<br/>Mekanikal</b> |

Masjuri yang bertugas sebagai Jurutera Pengajar di FKM, merupakan salah seorang daripada 'tulang belakang' FKM yang telah bersama-sama membangunkan Fakulti tersebut. Beliau telah banyak terlibat dengan perancangan dan pembangunan FKM terutama dalam membangunkan dan memantapkan kemudahan makmal FKM seperti Makmal Automotif, Makmal Dinamik, Makmal Mekanik Mesin, Studio-studio Autocad, CAE-FEA dan Manual Drafting. Usaha pembangunan makmal ini melibatkan aktiviti perancangan jangka panjang Fakulti, proses pemilihan dan pembelian peralatan serta mesin-mesin bagi makmal tersebut.

Beliau juga turut terlibat dengan perancangan dan pembangunan pejabat serta makmal Kampus Tetap KUTKM. Bersama-sama dengan beberapa orang staf FKM yang lainnya, Masjuri turut merancang pembangunan Makmal Kawalan & Getaran, Makmal Automotif dan makmal yang melibatkan Studio-studio Autocad bagi Jabatan Reka Bentuk & Inovasi.

Masjuri juga adalah seorang staf yang aktif melibatkan diri dalam pelbagai program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di peringkat Universiti.



|                 |                                  |
|-----------------|----------------------------------|
| <b>Nama</b>     | : Jaafar bin Lajis               |
| <b>No. Staf</b> | : 00300                          |
| <b>Jawatan</b>  | : Juruteknik Kanan               |
| <b>Pejabat</b>  | : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan |

Selaku Juruteknik Kanan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) KUTKM, Jaafar telah banyak mencurahkan pengalaman dan tunjuk ajar kepada staf makmal di bawah penyeliaannya supaya mereka dapat memberikan servis yang terbaik kepada pelajar dari fakulti lain dalam kerja kursus di bengkel dan makmal.

Beliau berazam untuk bersama-sama berganding bahu dan bekerja keras bagi memastikan FKP mampu menjadi fakulti yang terbaik di KUTKM. Jaafar ingin melihat bakal graduan FKP menjadi calon 'favourite' dan berkaliber untuk diterima bekerja di sektor awam mahupun sektor swasta. Bagi memastikan wawasan FKP ini tercapai, staf akademik dan staf teknikal mahupun staf pentadbiran di FKP perlu saling bekerjasama, mempunyai semangat kerja berpasukan yang utuh serta berdaya saing. Ini kerana wawasan ini tidak mungkin tercapai tanpa penglibatan semua pihak.



**Nama** : Ir. Dr. Prianggada Indra  
Tanaya  
**No. Staf** : 00470  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan  
Pembuatan



Ir. Dr. Prianggada Indra Tanaya telah menyertai KUTKM pada penghujung Disember 2002 dan telah ditempatkan di FKP sehingga kini. Biarpun berasal daripada Indonesia, beliau tidak pernah berasa canggung untuk bergaul dengan staf yang lain dan turut sama menyumbang kepada pembangunan KUTKM. Bagi beliau, 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'.

Pengalaman, ilmu pengetahuan dan kepakarannya telah dimanfaatkan sebaiknya demi pemantapan pengajaran dan pengurusan di FKP. Beliau telah diminta oleh Dekan FKP sendiri untuk membantu dari segi penyediaan dan penyemakan semula kurikulum dan silibus Fakulti melalui pelantikan beliau sebagai Naib Pengerusi, Jawatankuasa Kurikulum dan Silibus Fakulti. Beliau bertanggungjawab menyemarakkan perhubungan antara FKP dan pihak luar serta dipertanggungjawabkan menyelaras maklumat ICT di Fakulti tersebut. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Makmal untuk Makmal CNC.

Beliau berhasrat untuk terus menyumbangkan baktinya kepada FKP dan KUTKM ke arah menghasilkan graduan yang berketerampilan dan relevan dengan kehendak semasa, selagi khidmatnya diperlukan.

**Nama** : Mohd Nazri bin Abdul Mokte  
**No. Staf** : 00267  
**Jawatan** : Juruteknik  
**Pejabat** : Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Mohd Nazri telah dilantik sebagai Juruteknik Di FKP semenjak 1 Februari 2002. Beliau kini ditempatkan di Makmal Kuasa Bendalir.

Menurutnya, pencapaian beliau selama ini adalah hasil dorongan dan tunjuk ajar daripada Dekan FKP, penyelia beliau dan juga daripada rakan-rakan sejawatnya. Beliau tidak mungkin dapat melaksanakan tugasnya dengan baik tanpa kerjasama daripada semua pihak.

Mohd Nazri menegaskan setiap staf di FKP telah disemai dengan semangat untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan Fakulti supaya segala perancangan oleh pihak pengurusan dapat dilaksanakan. Sebagai Juruteknik, beliau membantu dari segi menyediakan kemudahan pembelajaran yang selesa dan kondusif.







|                 |          |                                       |
|-----------------|----------|---------------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Mohd Hisyam bin Ibrahim</b>        |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00268</b>                          |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Juruteknik</b>                     |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Fakulti Kejuruteraan Pembuatan</b> |

Mohd Hisyam mula bertugas sebagai Juruteknik di FKP semenjak 1 Februari 2002 lagi. Beliau berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa prestasi yang cemerlang hanya datang daripada usaha yang berterusan. Dengan kepercayaan inilah, beliau berusaha memperbetulkan kesilapannya dalam setiap tugas yang diarahkan. Beliau juga sentiasa memberikan penumpuan yang teliti terhadap tugasnya dan ini telah membuatkan hasil kerjanya lebih berkualiti.

Beliau berpendapat bahawa kejayaannya ini bukanlah kejayaannya seorang tetapi ia merupakan kejayaan yang harus dikongsi bersama dengan penyeliaanya dan rakan-rakan sejawatnya.

**Nama** : Sarinah binti Abd. Jalil  
**No. Staf** : 00143  
**Jawatan** : Pembantu Tadbir  
(Kesetiausahaan)  
**Pejabat** : Pusat Perkhidmatan Akademik

Sarinah yang bertugas sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) kepada Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA), merupakan seorang staf yang sangat dedikasi terhadap tugasnya. Ini adalah kerana beliau beranggapan setiap tugas itu sebagai satu ibadah dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan sebaik mungkin. Dengan hati yang ikhlas, setiap pekerjaan itu akan diterima oleh-Nya sebagai satu ibadah dan insya Allah, akan diberkati.

Selain melaksanakan tugas-tugas hariannya dalam membantu melicinkan pengurusan seharian Dekan PPA, Sarinah juga turut bergiat aktif dalam bidang sukan. Beliau pernah mewakili KUTKM dalam acara badminton dan ping pong semasa Kejohanan Sukan Antara Universiti suatu waktu dahulu. Beliau turut mewakili PPA dalam sukan bola jaring pada Sukan Antara Jabatan di KUTKM. Beliau juga tidak ketinggalan untuk turut serta dalam Pertandingan Badminton Piala Rektor.

Beliau menganggap anugerah yang diberikan ini sebagai satu amanah yang besar untuk memastikan bahawa prestasi cemerlangnya itu tidak terhenti sampai di sini saja.







**Nama** : Othman bin Abu  
**No. Staf** : 00179  
**Jawatan** : Pembantu Makmal  
**Pejabat** : Pusat Perkhidmatan Akademik



Othman memulakan tugas di KUTKM pada 1 Oktober 2001 dan telah ditempatkan di Makmal Fizik, Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Dengan pengalaman bertugas selama lebih 25 tahun di dalam bilik makmal Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membolehkan beliau menjalankan tugas di KUTKM dengan lebih berkesan dan bertanggungjawab lagi. Antara tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau ialah mengawasi kelas amali pelajar, menguruskan Lencana Filem (Film Base) untuk bahan radioaktif bersama pihak MINT, pembelian bahan dan peralatan makmal serta memastikan kebersihan dan keselamatan makmal.

Beliau turut menyumbang dalam aktiviti khidmat masyarakat melalui jawatannya sebagai Ketua UMNO Cawangan Bukit Tinggi, Taman Bukit Beruang Utama. Di bawah pimpinan beliau, Ahli Jawatankuasa telah berjaya menganjurkan dua program yang besar di peringkat DUN Ayer Keroh iaitu 'Majlis Hi-Tea Pemimpin Bersama Rakyat' dan 'Forum Perdana'.

**Nama** : Anidah binti Robani  
**No. Staf** : 00366  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Pusat Perkhidmatan Akademik

Anidah memulakan kerjayanya di KUTKM sebagai seorang Pensyarah dalam bidang kenegaraan dan ketamadunan di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Pada 1 Mac 2003, beliau telah diberi kepercayaan dan diamanahkan untuk mengetuai Jabatan Kemasyarakatan dan Pendidikan Islam (JKPI). Sebagai Ketua Jabatan, beliau bertanggungjawab memastikan pengajaran dan pembelajaran seperti mengurus kursus-kursus di bawah Jabatan tersebut berjalan dengan licin. Antara skop tugasannya ialah mengagih beban dan menyiapkan jadual waktu pensyarah, memantau dan menyelaras pelaksanaan modul pengajaran bagi setiap subjek Jabatan, menyelaras penyediaan kertas soalan peperiksaan Jabatan serta merancang dan memantau pelaksanaan program di bawah Jabatan.

Beliau juga telah terlibat secara langsung dalam membantu menjayakan beberapa program di peringkat Universiti seperti Konvensyen Melaka Sebagai Pusat Kecemerlangan 2002, Program Khidmat Pensyarah Bersama Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Negeri Melaka sebagai Setiausaha, bagi Siri I dan II; serta Jawatankuasa Minggu Haluan Siswa 2003. Beliau juga turut membantu PPA dalam usaha merangka pelan rancangan strategik, membantu menyiapkan prosiding Konvensyen Melaka Sebagai Pusat Kecemerlangan sebagai Jawatankuasa dan membantu HEP bagi penyediaan modul siswa BTN / KUTKM.

Menurut Anidah, segala sumbangan yang diberi mustahil untuk dilaksanakan sebaiknya tanpa pertolongan dari Allah s.w.t serta kepercayaan dan sokongan semua pihak. Beliau berharap akan terus dikurniakan petunjuk dan kekuatan bagi meneruskan khidmat bakti bagi kebaikan dan manfaat Universiti, agama dan bangsa.







|                 |          |                                    |
|-----------------|----------|------------------------------------|
| <b>Nama</b>     | <b>:</b> | <b>Sarman bin Basri</b>            |
| <b>No. Staf</b> | <b>:</b> | <b>00314</b>                       |
| <b>Jawatan</b>  | <b>:</b> | <b>Juruteknik</b>                  |
| <b>Pejabat</b>  | <b>:</b> | <b>Pusat Perkhidmatan Akademik</b> |

Sarman memulakan perkhidmatan Juruteknik di Makmal Fizik, Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) pada 18 Mac 2002. Sepanjang menjawat jawatan itu, beliau terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan sebahagian besar aktiviti yang dijalankan di peringkat Universiti mahupun Pejabat. Apabila diberi tugas sama ada di peringkat Jabatan mahupun Universiti, beliau berusaha melakukan yang terbaik kerana dengan hasil kerja yang berkualiti akan menaikkan nama baik KUTKM. Di samping bersikap positif dan terbuka, beliau sentiasa mendapat kerjasama dari semua pihak dalam melaksanakan tugas tersebut.

Di antara tugas dan aktiviti yang telah Sarman laksanakan sepanjang tahun ialah menguruskan dan menjaga peralatan makmal, mengawasi kelas amali, mengawasi bahan radioaktif dan menjadi Urus Setia bagi beberapa aktiviti anjuran PPA.

Bagi Sarman, setiap apa yang telah beliau curahkan adalah ikhlas demi menjadikan KUTKM sebagai sebuah institusi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

**Nama** : Asiah binti Haji Mohd Pilus  
**No. Staf** : 00079  
**Jawatan** : Pensyarah  
**Pejabat** : Jabatan Kokurikulum



Asiah adalah seorang Pensyarah PPA yang ditempatkan di Jabatan Kokurikulum. Beliau merupakan staf yang sangat disenangi di kalangan warga Universiti. Ini disebabkan oleh perwatakannya yang mudah mesra dan sentiasa menghormati semua orang yang berurusan dengannya tanpa membezakan pangkat dan latar belakang mereka. Asiah juga seorang yang dedikasi terhadap tugasnya sehingga sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi memenuhi tuntutan tugasnya.

Beliau telah banyak memberi sumbangan kepada kegiatan yang di luar bidang tugasnya. Antaranya ialah menjadi Setiausaha BAKUTKM dan juga sebagai Felo Kolej Kediaman Siswi oleh Pejabat Hal-Ehwal Pelajar (HEP). Selain itu, beliau turut menjadi pengurus pasukan bola jaring KUTKM ke Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia. Pencapaian beliau yang amat membanggakan ialah apabila pasukan tersebut muncul sebagai johan dan sekali gus mengharumkan nama KUTKM di kalangan Universiti-universiti tempatan.



**Nama** : Rina Arianty binti Hashim  
**No. Staf** : 00212  
**Jawatan** : Pembantu Tadbir  
(Kesetiausahaan)  
**Pejabat** : Jabatan Kokurikulum

Rina Arianty mula berkhidmat di KUTKM sejak 2 Januari 2002 dan ditempatkan di Jabatan Kokurikulum apabila Jabatan tersebut baru ditubuhkan dan masih lagi bergelar 'Unit Kokurikulum'. Di bawah tunjuk ajar Ketua Jabatan Kokurikulum, mereka telah bersama-sama mengemblem tenaga dan berusaha memajukan Jabatan Kokurikulum sehinggalah Jabatan tersebut telah mantap dari segi pentadbiran dan kini telah mempunyai 11 staf.

Bagi Rina Arianty, kejayaan yang dicapainya ini hasil daripada tunjuk ajar penyelia dan rakan-rakan seperjuangan, serta daripada ilmu yang diperolehi melalui kursus yang dianjurkan oleh pihak Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftaran. Di samping itu juga, pengalaman dan pengetahuan bekerja sebelum ini banyak membantu beliau untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya serta menjadikannya seorang yang lebih berkeyakinan, bertanggungjawab dan berdedikasi.

Beliau berharap agar penghargaan yang tidak ternilai ini akan menjadi motivasi kepadanya untuk terus meningkatkan lagi kualiti kerja bagi tahun-tahun mendatang.



**Nama** : Aziza binti Md. Buang  
**No. Staf** : 00090  
**Jawatan** : Pegawai Seni Reka  
**Pejabat** : Jabatan Penerbitan

Memikul tanggungjawab sebagai Pegawai Seni Reka semasa awal perkhidmatannya, membuatkan Aziza merasakan bahawa tanggungjawab tersebut amat berat untuk dipikul apatah lagi dalam keadaan serba kekurangan daripada segi kemudahan peralatan dan staf yang ada pada ketika itu. Tambahan pula, beliau sendiri tidak mempunyai pengalaman kerja yang banyak. Atas dasar komitmen kepada tugas dan organisasi, segala tugas yang diberikan cuba dilaksanakan sebaik mungkin sebagai satu amanah dan tanggungjawab walaupun ada kalanya kerja-kerja tersebut terpaksa mengheret masa beliau hingga ke subuh hari. Malahan ada kalanya, hingga ke hujung minggu beliau terpaksa berada di pejabat.

Bidang tugas seni reka memang sukar untuk difahami dan dijelaskan. Sentuhan seni reka sentiasa diperlukan di peringkat yang terakhir. Kerana inilah, masa sentiasa menjadi buruan beliau.

Sebagai motivasi kepada diri sendiri dan rakan-rakannya yang lain di Unit Grafik, beliau cuba mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan penuh keceriaan. Sungguhpun begitu, sikap saling hormat-menghormati masih wujud sesama mereka. Ragam dan dugaan serta masalah dalam proses percetakan dari mula hingga ke akhir sudah cukup sinonim dengan dirinya. Walaupun kadang-kadang ia memberikan tekanan yang cukup hebat, beliau percaya ianya juga mematangkan kerjayanya.

Aziza amat bersyukur dan berterima kasih kepada semua pihak dan menganggap anugerah yang diterimanya ini sebenarnya milik seluruh 'keluarga' Unit Grafik. Semoga ia menjadi dorongan untuk beliau terus bekerja dengan lebih gigih.





|          |                            |
|----------|----------------------------|
| Nama     | : Goh Ong Sing             |
| No. Staf | : 00401                    |
| Jawatan  | : Ketua Jabatan Penerbitan |
| Pejabat  | : Jabatan Penerbitan       |

Profesor Madya Goh Ong Sing lebih dikenali dengan perisian robotnya, AINI, telah direkodkan ke dalam Malaysia Book of Records sebagai Program Robot Interaktif Pertama di Malaysia, hadiah pertama pertandingan Microsoft Asia.Net dan mewakili IPTA dalam pertandingan MSC-Asia Pacific ICT Award (APICTA) pada 2003 dalam kluster R&D. Sepanjang tahun 2003 sahaja, kertas kerja beliau telah mendapat tempat di persidangan antarabangsa dan juga menjemput beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Antarabangsa dan pengerusi sesi di AI'03 Australia dan AWTIC'03 Vienna. Manakala dalam bidang konsultasi pula, R&D beliau telah menambat minat Maya Artificial Intelligent Sdn. Bhd. untuk mengadakan MoU dengan KUTKM pada 4 Ogos 2003.



Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran pula, beliau telah berjaya menghasilkan dua modul pengajaran dan pembelajaran elektronik untuk kursus *Internet Technology* dan *Web Programming*. Di bawah peneraju beliau, Jabatan Penerbitan KUTKM telah mempelopori penerbitan elektronik tiga medium iaitu berbentuk buku, CD-Interaktif dan e-Buku yang boleh dicapai melalui laman web, PDA atau telefon bimbit. Prosiding Melaka sebagai Pusat Kecemerlangan yang menjadi *blue print* ke arah Melaka Maju 2010 merupakan penerbitan elektronik sulung KUTKM. Penerbitan ini sekaligus telah mendapat pengiktirafan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) sebagai yang pertama seumpamanya di IPTA. Buku Jejak Gemilang yang telah dilancarkan oleh Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin, Canselor KUTKM juga merupakan satu kejayaan Jabatan Penerbitan yang dapat mendokumenkan sejarah penubuhan KUTKM.

Baginya kejayaan ini bukan merupakan kejayaan peribadi tetapi kejayaan semua warga KUTKM amnya dan staf Jabatan Penerbitan khususnya. Semoga anugerah ini akan menjadi perangsang untuk berkhidmat lebih cemerlang dan membawa KUTKM ke arah kegemilangan.

**Nama** : Rahman bin Hashim  
**No. Staf** : 00476  
**Jawatan** : Ketua Unit Editorial  
**Pejabat** : Jabatan Penerbitan



Rahman menyertai KUTKM pada Januari 2003 sebagai Pensyarah di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Sebelum itu, beliau berkhidmat kira-kira 11 tahun sebagai wartawan dan penyunting dengan syarikat Berita Harian Sdn Bhd. Berikutan pengalaman luas beliau dalam penulisan, Rahman telah dipinjamkan ke Jabatan Penerbitan mulai Mei tahun lalu.

Sepanjang berada di Jabatan Penerbitan, beliau banyak terbabit, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dengan beberapa aktiviti yang diadakan di peringkat Universiti. Antaranya ialah seperti penyediaan klip video sempena Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif, Kejohanan Golf Ke-31 Antara Universiti Malaysia, menulis pelbagai artikel dalam akhbar tempatan, Program Khidmat Pensyarah serta tugas-tugas lain yang berkaitan dengan bidang penerbitan. Selain itu, Rahman juga dilantik sebagai fasilitator Biro Tata Negara (BTN). Beliau kerap dipanggil untuk membantu BTN mengendalikan kursus yang berkaitan dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Pelbagai tekanan dan beban tugas yang dilaluinya semasa bertugas sebagai wartawan, banyak membantu beliau untuk menerima dan melaksanakan segala amanah yang diberi dengan sebaik mungkin. Beliau sentiasa berpegang kepada kata-kata 'janganlah takut melakukan kesilapan tetapi usahlah ulangi kesilapan yang sama'.

Rahman berterima kasih kepada semua pihak, termasuk ketua jabatan serta rakan-rakan setugas lain yang banyak membimbing dan membantu beliau melaksanakan amanah yang diberi. Beliau menganggap segala usaha bakti yang dicurah, cumalah 'setitis air di lautan' dan berharap anugerah itu akan dijadikan pendorong kepada rakan-rakan lain untuk bekerja lebih tekun lagi.





## ANUGERAH KECEMERLANGAN KHAS TAHUN 2004

Dalam usaha untuk mewujudkan budaya kecemerlangan di kalangan warga Universiti, pihak KUTKM telah bersetuju untuk menganugerahi staf-staf yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dan kejayaan memberangsangkan dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Pencapaian mereka ini secara tidak langsung telah mengharumkan nama KUTKM.

اونيور سيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

Pada tahun ini, dua anugerah telah diperkenalkan iaitu Anugerah Kecemerlangan Khas (Inovasi) dan Anugerah Kecemerlangan Khas (Sukan). Anugerah-anugerah ini diberikan khusus kepada penerimanya atas prestasi unggul yang telah mereka pamerkan.

## ANUGERAH KECEMERLANGAN KHAS (INOVASI)

Anugerah ini bertujuan memberikan pengiktirafan atas pencapaian dan sumbangan staf dalam bidang sains dan teknologi khususnya melalui penyelidikan ataupun penemuan dan penciptaan baru. **Profesor Madya Goh Ong Sing** yang begitu berminat dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), telah menunjukkan hasil kreativiti yang tinggi dalam bidang inovasi sehingga mampu meletakkan nama KUTKM jauh ke depan berbanding dengan Kolej Universiti lain yang lebih awal ditubuhkan. Kejayaan terbesar beliau ialah menghasilkan *Artificial Intelligence Neural-Network Identity (AINI)* yang diiktiraf sebagai Program Robot Interaktif pertama di Malaysia, sekali gus dicatatkan dalam *The Malaysian Book Of Records*.

Sejak menyertai KUTKM pada 2002, banyak pengiktirafan dan anugerah yang telah beliau terima, sama ada di peringkat kebangsaan, Asia mahupun di peringkat antarabangsa. Antara pengiktirafan dan anugerah itu ialah:

1. *Finalist MSC-Asia Pacific ICT Award (APICTA), Cyberjaya, 14 June 2003*
2. *1<sup>st</sup> Malaysian Robotic Interactive Programme, Malaysia Book of Records, Seri Negeri, Melaka, 4th December 2003.*
3. *1<sup>st</sup> Prize, Remote Surveillance System (RSS), Microsoft Asia Student.Net Competition 2002, Microsoft Auditorium, Kuala Lumpur, Dec 23, 2003*
4. *Best of the New Innovation Award, The 2<sup>nd</sup> International Conference on Neural Network and Computational Intelligence (NCI 2004), Switzerland, 23 February 2004*
5. *Gold Medal, Malaysia Invention & Design Society (MINDS) Awards, International Invention Innovation Industrial Design & Technology (ITEX)'04, Mid Valley, Kuala Lumpur, 20-22 May 2004*
6. *Best Individual Inventor, Japan Institute of Invention and Innovation (JIII), JIII International Awards, ITEX'04, Mid Valley, Kuala Lumpur, 20-22 May 2004*
7. *Bronze Medal, Expo Science, Technology and Innovation, PWTC, Kuala Lumpur 27-29 August, 2004*

Berdasarkan kepada pelbagai kejayaan cemerlang yang dicapai, sewajarnya Anugerah Kecemerlangan Khas (Inovasi) ini diberikan kepada beliau. Kewibawaan serta sikap inovatif yang ditunjukkan oleh Prof Madya Goh Ong Sing dalam bidang teknologi, sewajarnya menjadi iktian kepada semua warga Universiti.







## ANUGERAH KECEMERLANGAN KHAS (SUKAN)

Segala sumbangan dan kejayaan staf dalam bidang sukan tidak pernah dipandang sepi oleh pihak Universiti. Justeru, pemberian Anugerah Kecemerlangan Khas (Sukan) diwujudkan untuk memberi pengiktirafan kepada staf yang telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam bidang sukan.

Pasukan bola jaring KUTKM telah berjaya menggondol anugerah ini berdasarkan rekod cemerlang mereka mengungguli sukan bola jaring dua tahun berturut-turut dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia. Dalam usia KUTKM yang hanya setahun jagung, pasukan bola jaring telah mengharumkan nama Universiti apabila berjaya menundukkan jaguh-jaguh tradisi dalam sukan tersebut. Sehingga ini, belum ada pasukan-pasukan lain di KUTKM ini yang berjaya menyamai rekod ini apatah lagi untuk memintasnya.

Puan Asiah binti Hj. Mohd Pilus telah bertindak sebagai pengurus pasukan bola jaring KUTKM pada tahun 2003 dan 2004.






## Anugerah Kecemerlangan Khas (Sukan)

Pemain-pemain bola jaring pada tahun 2003 ialah :-

- 1) Noor Hafiza binti Othman (Ketua Pasukan)
- 2) Suhana binti Ariffin
- 3) Kamisah binti Jalil
- 4) Zuraidah binti Abdullah
- 5) Zalinawati binti Razali
- 6) Nor Fahrizan binti Juhari
- 7) Mi Azian binti Abd. Karim
- 8) Norazliyati binti Mohd Isa
- 9) Aslinda binti Suandi

Manakala wakil pasukan bola jaring KUTKM pada 2004 pula ialah:

- 1) Noor Hafiza binti Othman (Ketua Pasukan)
  - 2) Siti Hajar binti Yaakop
  - 3) Kamisah binti Jalil
  - 4) Siti Sabrinah binti Buang
  - 5) Hafizah binti Taher
  - 6) Zairina binti Jamil
  - 7) Norashikin binti Hashim
  - 8) Norasikin binti Md. Isa
  - 9) Nor Fahrizan binti Juhari
  - 10) Mi Azian binti Abd. Karim
  - 11) Norazlinawati binti Daud
  - 12) Siti Khadijah binti Mohamad @ Ayob
- 





## DOKUMEN PELAN STRATEGIK KUTKM 2004-2015

Dokumen Pelan Strategik KUTKM 2004-2015 merupakan rangka kerja atau *blueprint* yang menetapkan hala tuju pembangunan KUTKM dalam mencapai visinya iaitu **Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia**. Pelan strategik ini mengandungi sasaran dan tindakan universiti dari tahun 2004 sehingga tahun 2015. Pelan ini dijadikan sebagai rujukan serta panduan kepada semua unit operasi di dalam perancangan dan pembangunan agar selari dengan matlamat sebenar penubuhan universiti ini. Dokumen Pelan Strategik telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif KUTKM yang bermesyuarat pada 10 Jun 2004.

Sasaran di dalam Pelan Strategik ditetapkan mengikut sembilan objektif KUTKM dan di tentukan berdasarkan senario cabaran dalaman dan luaran yang perlu ditempuhi oleh KUTKM iaitu:-

- Memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan
- Mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran
- Penawaran program perkhidmatan profesional berterusan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja
- Memastikan kualiti penyelidikan yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada masyarakat sejagat
- Sumber tenaga manusia yang berkualiti
- Sistem pembelajaran yang berkesan bagi menghasilkan jurutera profesional yang berkemahiran dan bersahsiah
- Menghasilkan graduan yang dapat menjanakan ekonomi negara
- Mengoptimumkan penggunaan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan
- Menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan serta perundingan.

Menyingkap kepada penyediaan pelan ini, pendekatan yang digunakan adalah berpandukan kenyataan misi dan visi KUTKM serta mengambil kira pertimbangan berasaskan persekitaran luaran dan dalaman universiti, khususnya pemikiran pihak pengurusan atasan universiti dan penglibatan secara aktif oleh semua peringkat kakitangan universiti. Ini menunjukkan bahawa semua warga KUTKM komited dalam menentukan sendiri hala tuju universiti untuk 10 tahun akan datang.

Diharapkan dengan adanya pelan strategik ini, kesemua unit operasi dapat memantapkan hala tuju masing-masing ke arah mencapai visi dan misi KUTKM.





## **KUTKM KE ARAH PERSIJILAN MS ISO 9001:2000 BAGI SKOP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, sebagai sebuah IPTA yang baru di tubuhkan ( tahun 2000 ) perlu memberi keyakinan yang tinggi kepada para pelanggan tentang kemampuannya menghasilkan produk atau perkhidmatan yang berkualiti. Oleh itu KUTKM berkeyakinan tinggi bahawa usaha mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 melalui proses utamanya iaitu **Pengajaran dan Pembelajaran** dapat memastikan tiada pihak boleh mempertikaikan kualiti produknya terutamanya kualiti graduan-graduan KUTKM. Pihak pengurusan universiti telah mensasarkan KUTKM memperoleh persijilan MS ISO 9001:2000 pada awal tahun 2005.

Sejak pelancaran Sistem MS ISO 9000 pada 7 Oktober, 2003 Bahagian Jaminan Kualiti & Akreditasi bersama SIRIM Berhad telah melaksanakan beberapa aktiviti termasuk ceramah, latihan, kempen, taklimat di fakulti dan jabatan, bengkel penyediaan dokumen dan audit yang dijalankan secara berterusan bagi memastikan sasaran persijilan tercapai.

Untuk sistem kualiti dapat dijamin dengan lebih berkesan, KUTKM telah mendokumenkan proses-proses yang dikenal pasti dalam skop persijilan. Terdapat tiga proses utama dalam skop pengajaran dan pembelajaran iaitu:-

- i) Proses Teras
- ii) Proses Sokongan
- iii) Proses Pengurusan

Prof. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof yang dilantik sebagai Wakil Pengurusan bersama Timbalan Wakil Pengurusan yang juga Ketua Pemilik Proses adalah bertanggungjawab dalam mewujudkan dan mendokumenkan 1 Manual Kualiti, 62 Prosedur dan 4 Garis Panduan. Timbalan Wakil Pengurusan yang juga merupakan Ketua Kumpulan bagi setiap Jawatankuasa Penyediaan Dokumen dibantu oleh ahli-ahlinya seramai 77 orang kesemuanya. Berikut adalah ketua Jawatankuasa Penyediaan Dokumen MS ISO 9000 :-





- |       |                                     |   |
|-------|-------------------------------------|---|
| i)    | Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman      | - Pengajaran dan Pembelajaran                         |
| ii)   | En. Wahi bin Nordin                 | - Urusan Akademik                                     |
| iii)  | Prof. Madya Dr. Zolkepli bin Buang  | - Penilaian Perkhidmatan<br>Pengajaran & Pembelajaran |
| iv)   | En. Zainuddin bin Ahmad             | - Urusan Hal-Ehwal Pelajar                            |
| v)    | En. Zainal bin Bidin                | - Pengurusan Sumber Manusia                           |
| vi)   | Pn. Noraini binti Zabidin           | - Urusan Pejabat Bendahari                            |
| vii)  | Pn. Noraida binti Attan             | - Kemudahan Infrastruktur<br>Fizikal                  |
| viii) | Pn. Hjh. Faridah binti Hj. Md. Amin | - Urusan Perpustakaan.                                |

Pada 30 Julai 2004 yang lalu pihak SIRIM QAS International telah menjalankan *Adequacy Audit* yang bertujuan menilai dokumen yang disediakan oleh pemilik-pemilik proses. Audit telah menemui beberapa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dan tindakan telah pun diambil.

Seperti mana yang dirancang dalam rangka kerja pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti, pelantikan Audit Dalaman telah dibuat bagi menjalankan audit di unit-unit operasi dalam bulan September 2004. Audit Pemuatan akan dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS International yang dijadualkan pada akhir bulan November 2004.





## AHLI JAWATANKUASA PENYEDIAAN DOKUMEN MS ISO 9001 : 2000 KUTKM

### Pengajaran Dan Pembelajaran

1. Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman
2. En. Syed Najib Bin Syed Salim
3. Prof. Madya Norhaziah Binti Md. Salleh
4. En. Juhari Bin Ab. Razak
5. Cik Zuhriah Binti Ebrahim
6. Cik Maisarah Binti Abu
7. En. Musa Bin Abdullah
8. En. Hassan Bin Adnan
9. Cik Lok Yian Yian

### Urusan Akademik

1. En. Wahi Bin Nordin
2. En. Khairol Anuar Bin Rakiman
3. En. Mohd Azmi Bin Mat Said
4. En. Abd. Rahim Bin Samsudin
5. Cik Rozinah Binti Yakop
6. En. Yusmady Bin Mohamed Arifin
7. Pn. Syahira Binti Hj. Mohd Adnan
8. Pn. Norhazlena Binti Sabtu
9. Cik Noor Azilah Binti Muda
10. En. Ahmad Fadzli Nizam Bin Abdul Rahman
11. En. Misdom Bin Lan
12. En. Kasrul Bin Abd. Karim
13. Cik Nur Azriah Binti Amir
14. Cik Anis Suhaila Binti Mohd Zain

### Penilaian Perkhidmatan Pengajaran Dan Pembelajaran

1. Prof. Madya Dr. Zolkepli Bin Buang
2. Prof. Dr. Salleh Bin Yahya
3. Prof. Madya Dr. Hanipah Binti Hussin
4. En. Mohd Fadzil Bin Ali
5. Pn. Niza Binti Mohd Idris
6. En. Zulisman Bin Maksom
7. En. Mohd Luqman Bin Mohd Jamil
8. En. Hambali Bin Arep @ Ariff
9. Pn. Hazmilah Binti Hassan
10. Pn. Anidah Binti Robani
11. Pn. Suhailah Binti Salleh
12. En. Othman Bin Aman
13. En. Mahadi Bin Hj. Abu Hassan





### ***Urusan Hal-Ehwal Pelajar***

1. En. Zainudin Bin Ahmad
2. En. Mohamad Bin Hj. Bokhari
3. Pn. Noridah Binti Borhan
4. En. Affindi Bin Abu Bakar
5. En. Syamsul Iqbal Bin Hj. Mohd Akin
6. En. Md Nor Bin Ali
7. Pn. Mazne Binti Ja'afar
8. En. Abdul Halim Bin Mohamad Noh
9. Pn. Zuraida Binti Mohamed Taib
10. En. Shahrom Bin Abdul Wahid
11. Pn. Rafedah Binti Sajadi

### ***Pengurusan Sumber Manusia***

1. En. Zainal Bin Bidin
2. En. Mohd Nizam Bin Pavel
3. Pn. Rahimah Binti Senin
4. En. Abd. Aziz Bin Mustapa
5. Pn. Azizah Binti Saban
6. Cik Nor Izwanni Binti Amil

### ***Urusan Pejabat Bendahari***

1. Pn. Noraini Binti Zabidin
2. Pn. Azzilla Binti Ahmad
3. Cik Azlina Binti Azhari
4. En. Bakri Bin Abu Bakar
5. Pn. Sabarina Binti Abdullah
6. Pn. Junaidah Binti Badar
7. En. Mohd Nizam Bin Mazlan

### ***Kemudahan Infrastruktur Fizikal***

1. Pn. Noraida Binti Attan
2. En. Abdul Wahab Bin Harun
3. En. Musa Bin Abdullah
4. En. Norazman Bin Abu Talib
5. En. Ainuddin Bin Abu Kasim
6. Pn. Fouziah Binti Ramli
7. Pn. Suhaili Binti Sallehuddin
8. En. Mohd Rayme Bin Anang Masuri
9. En. Mohd Fadzil Bin Ali
10. Pn. Sarimah Binti Zakaria
11. En. Khairul Niza Bin Yahya
12. En. Mohamed Suhaimi Bin Abdullah



### *Urusan Perpustakaan*

1. Pn. Hjh. Faridah Binti Hj. Md. Amin
2. Cik Siti Noor Kiah Binti Syed Abdul Malek
3. En. Azman Bin Ayup
4. En. Arman Bin Mohammad
5. Pn. Fauziah Binti Hassan
6. En. Mahadir Bin Che Ali
7. Cik Rasida Binti Abu Bakar
8. Cik Siti Nor Rahmah Binti Hj. Yaman
9. Pn. Siti Saluwa Binti Jamal

### *Pengurusan Sistem*

1. Prof. Dr. Mokhtar Bin Mohd. Yusof
2. Prof. Madya Shahdan Bin Md Lani
3. En. Abd Halim Hakim Bin Abd Aziz
4. En. Mohd Hanapiah Bin Md Lip

